

16 NOV 1999

Laporan Khas: Umno-Kelantan

CITA-CITA UMNO TAWAN KELANTAN TIDAK SEMESTINYA SEKADAR IMPIAN

Oleh: Ali Mamat

KOTA BAHARU; -- Lima malam yang lepas Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah telah diundang untuk berceramah di tengah-tengah salah sebuah kubu terkuat PAS negeri itu iaitu Pengkalan Chepa.

Tengku Razaleigh pula sebaliknya mengundang penulis untuk bersama-sama beliau ke majlis itu. Matlamatnya jelas iaitu untuk membuktikan dakwaan beliau selama ini bahawa Umno sudah kembali mendapat tempat di hati rakyat Kelantan bukanlah satu omong kosong.

Memang diakui siapa sahaja yang melihat daripada jauh sukar mempercayai bahawa penampilan semula Tengku Razaleigh menerajui Umno Kelantan sejak kira-kira empat bulan lepas akan meninggalkan impak yang ketara kepada hasrat Barisan Nasional untuk merebut teraju pemerintahan negeri itu daripada PAS pada pilihan raya umum 29 November ini.

Bagaimanapun, sambutan luar biasa yang diberikan kepada Tengku Razaleigh di Pengkalan Chepa itu boleh dijadikan peringatan awal kepada PAS amnya dan Menteri Besarnya Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat khasnya agar jangan "terlampau yakin" sehingga merasai kedudukannya di negeri itu cukup kebal.

Pemerhati politik di negeri itu sependapat bahawa sejak BN tumpas di Kelantan pada pilihan raya umum 1990, belum ada satu ceramah terbuka Umno, kecuali yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, yang dihadiri pendengar begitu ramai seperti ceramah Tengku Razaleigh pada malam itu.

"Kalau di kubu kuat PAS sendiri begitu hangat sambutan yang diberikan kepada Tengku Razaleigh, tidak mustahil satu keputusan "upset" boleh dicapai oleh BN Kelantan pada pilihan raya kali ini," kata seorang wartawan dari Pulau Pinang yang pernah bertugas di Kelantan ketika BN pertama kali menumpaskan PAS di negeri itu pada tahun 1978.

Pengkalan Chepa adalah satu-satunya kerusi Parlimen yang berjaya dipertahankan oleh PAS pada 1978. Di kawasan Parlimen itu jugalah terletaknya kerusi Dewan Undangan Negeri Chempaka yang diwakili Nik Aziz sebelum dewan dibubarkan 12 November lepas.

Yang menarik daripada majlis ceramah itu ialah sebilangan besar yang hadir adalah penduduk atau pengundi tempatan, sejajar dengan dakwaan Tengku Razaleigh sebelum tiba ke majlis itu bahawa Umno Kelantan tidak mengimport orang luar ke tempat-tempat ceramahnya, tidak seperti ceramah-ceramah PAS yang selalunya turut dihadiri penyokong-penyokong luar daerah dan negeri.

"Kalau hanya 200 orang yang hadir pada ceramah kita, itu kehadiran tulen yang boleh menjadi kayu pengukur sokongan sebenar rakyat kepada Umno," ujar Tengku Razaleigh.

Bertolak dari situ, bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu yang pernah bekerjasama dengan PAS pada pilihan raya umum 1990 dan 1995 berkata, kekuatan PAS sebenarnya kian terhakis kerana perjuangannya yang tidak konsisten, pertelagahan sesama pemimpin, kecelaruan corak persefahaman dengan rakan-rakan yang menganggotai Barisan Alternatif (termasuk KeAdilan, DAP dan PRM), dan perebutan sesama sendiri untuk menjadi calon pilihan raya.

Menurutnya, kegagalan PAS membawa pembangunan ke Kelantan serta ketidakupayaannya menunaikan pelbagai janji kepada rakyat sepanjang hampir 10 tahun berkuasa turut menjejaskan pengaruh PAS di negeri itu.

Menurut beliau, rakyat kini mula insaf bahawa PAS sanggup melakukan apa saja, walaupun terpaksa mengorbankan prinsip dan matlamat asal perjuangan

demi memburu kuasa.

"Dulu PAS kata Umno kafir kerana berkawan dengan MCA dan MIC. Kini dia sendiri berkawan dengan DAP. Dulu dia kata (Datuk Seri) Anwar Ibrahim akan dilantik jadi Perdana Menteri kalau Barisan Alternatif menang, secara senyap-senyap dia kata (Presiden PAS) Fadzil Noor patut jadi PM dan akhir-akhir ini dia sanggup pula terima orang bukan Islam jadi PM sedangkan dulu dia juga yang kata orang kafir tidak boleh jadi pemimpin.

"Inilah sifat sebenar pemimpin-pemimpin PAS....tidak pernah konsisten dalam perjuangan....tidak pernah mengotakan janji. Ini semua membuatkan rakyat Kelantan bosan dan meninggalkan parti itu untuk menyertai kita," ujar Tengku Razaleigh.

Beliau mendakwa seperti nasib S46, parti KeAdilan juga akan diperdaya oleh PAS, termasuk dalam soal pengagihan kerusi pilihan raya, setidak-tidaknya di Kelantan.

Katanya, daripada maklumat yang diterimanya, KeAdilan akan hanya diperuntukkan satu kerusi Parlimen dan dua atau tiga kerusi Dewan Undangan Negeri di Kelantan pada pilihan raya kali ini.

Pada masa yang sama, perebutan sesama sendiri di kalangan pemimpin PAS untuk menjadi calon turut melemahkan jentera pilihan raya parti itu. Sekurang-kurangnya dua bekas ahli Parlimennya iaitu Haji Mohamad Sabu (Kubang Kerian) dan Daeng Sanusi Mariok (Rantau Panjang) disebut-sebut akan digugurkan pada kali ini.

Selain faktor-faktor itu, Tengku Razaleigh juga percaya pemulihan pengaruh dan kekuatan Umno kali ini turut dibantu oleh kewujudan perpaduan yang jitu di kalangan pemimpin-pemimpinnya di peringkat cawangan, bahagian dan perhubungan.

Pelbagai analisis yang dibuat banyak pihak sebelum ini merumuskan bahawa BN tewas di Kelantan pada 1990 dan gagal merebut kembali teraju pemerintahan pada 1995 bukan kerana PAS terlalu kuat tetapi kerana Umno sendiri lemah akibat wujudnya puak atau kem yang mempunyai kepentingan tersendiri.

Di samping itu, Umno Kelantan kali ini turut diperkuatkan dengan kembalinya ke pangkuan parti itu puluhan ribu pengikut setia Tengku Razaleigh apabila S46 dibubarkan pada 1996.

Menurut Tengku Razaleigh, soal penerimaan semula bekas-bekas anggota S46 ke dalam Umno sudah tidak berbangkit kerana selain telah diserapkan ke dalam cawangan-cawangan yang sedia ada, Majlis Tertinggi Umno juga telah memberi lampu hijau kepada sebahagian daripada mereka untuk menubuhkan cawangan baru di kawasan masing-masing.

Bekas Ketua Perhubungan S46 negeri Datuk Haji Rozali Isohak yakin bekas-bekas anggota S46 itu mungkin boleh menjadi faktor penentu kemenangan calon-calon Umno di Kelantan kali ini kerana pada pilihan raya umum 1995 dulu, hampir semua calon PAS yang menang memperolehi majoriti tipis, sekitar ratusan sahaja.

Sebelum Parlimen dibubarkan, PAS menguasai 26 daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri dan enam daripada 14 kerusi Parlimen di Kelantan.

Tengku Razaleigh juga melihat kemunculan parti serpihan iaitu PAS Baru sebagai sesuatu yang sedikit-sebanyak boleh menjejaskan kekuatan PAS pada kali ini, walaupun ia tidak banyak memanfaatkan Umno.

Langkah PAS meminggirkan parti Berjasa yang turut menyumbang kepada kemenangan PAS pada 1990 dan 1995 juga dijangka boleh mengurangkan undi calon-calon PAS pada kali ini.

Namun begitu, Tengku Razaleigh tidak mahu pemimpin Umno Kelantan bersifat angkuh seperti sesetengah pemimpin PAS. Beliau juga mengakui tidak mempunyai "Lampu Aladdin" yang membawa keajaiban sehingga boleh memberi kemenangan mudah kepada BN.

Menurutnya, di sebalik pelbagai faktor yang memihak kepada Umno itu,

jalan menuju ke arah kejayaan tetap penuh dengan ranjau dan duri.

"Cuma saya boleh berbangga dengan hakikat bahawa kini telah wujud perubahan ketara di kalangan rakyat Kelantan untuk menyokong Umno, berbanding dengan senario sebelum saya dilantik sebagai ketua perhubungan.

"Apa yang menjadi harapan saya ialah rakyat Kelantan tidak lagi terus-terusan membuat pilihan yang salah, terutama ketika kita sedang melangkah ke alaf baru yang penuh cabaran, saingan dan pancaroba.

"PAS, seperti yang telah terbukti, tidak mempunyai keupayaan untuk membawa rakyat menempuhi cabaran itu," ujar Tengku Razaleigh.

-- Bernama

AM